



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

MAKLUM BALAS AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD) BERHUBUNG KES TULAR MELIBATKAN SEBUAH LORI TRELER MEREMPUH 11 KENDERAAN LAIN DI KILOMETER 11.1 LEBUHRAYA PASIR GUDANG-PERLING MENGHALA KE PERLING PADA 25 MAC 2024

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden terhadap kemalangan melibatkan sebuah lori treler yang merempuh 11 kenderaan di kilometer 11.1 Lebuhraya Pasir Gudang-Perling menghala ke Perling pada 25 Mac 2024.
2. Dalam rakaman yang tular di media sosial baru-baru ini didapati lori treler tersebut telah terbabas sebelum masuk ke laluan bertentangan dan merempuh 11 buah kenderaan yang berhenti di laluan bertentangan. Berdasarkan siasatan awal, pihak PDRM mendapati kemalangan tersebut berlaku apabila lori treler yang dipandu seorang lelaki warga tempatan tersebut dari arah Perling menghala ke Pasir Gudang telah terbabas selepas mengelak sebuah motokar yang mengubah haluan dari lorong tengah ke lorong kanan dalam laluan lori treler itu
3. APAD sekali lagi ingin menegaskan pendirian untuk tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pemanduan kenderaan pengangkutan awam darat secara berbahaya yang membabitkan kemalangan dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya. Siasatan awal yang melibatkan pelbagai agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang dilakukan bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian, seterusnya memastikan insiden seumpama ini dapat dielakkan daripada berulang.
4. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengambil tindakan awal dengan menjalankan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan JPJ (JISA) serta termasuk semakan saman yang pernah dikeluarkan kepada pemandu atau syarikat lori treler tersebut. Dalam masa yang sama, JPJ juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) PDRM untuk mendapatkan laporan siasatan kemalangan. APAD juga sedang bekerjasama dengan pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) untuk mendapatkan laporan teknikal siasatan bagi mengenalpasti punca kemalangan. Hasil laporan tersebut dijangka diperolehi dalam masa terdekat.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

5. Seterusnya, APAD dalam tindakan untuk mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada pengendali berlesen yang terlibat setelah mendapatkan Laporan Audit Keselamatan dan Pemeriksaan JPJ (JISA) dan Laporan Pemeriksaan Kenderaan Selepas Kemalangan PUSPAKOM bagi mendapatkan kesahihan kes kemalangan.
6. APAD ingin mengingatkan mana-mana syarikat untuk memantau prestasi pemandu kenderaan masing-masing dalam memastikan keselamatan terhadap pengguna jalan raya yang lain. Pengendali dan pemandu perlu sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan semasa beroperasi terutama perkara yang melibatkan hal-hal keselamatan jalan raya.

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
27 MAC 2024**

-TAMAT-

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my